



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YM TENGKU MOHAMAD NOR @ TENGKU HAMZAH BIN HJ ENSKU HUSSIN
NAIB YANG DI-PERTUA PERTUBUHAN KERABAT RAJA JEMBAL KELANTAN**

OLEH:

**ALIFF DANIAL BIN AMRAN SUHAIMI 2014504679
AZIM ASYRAF BIN AJAZ AHMAD KHAN 2014346817**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
YM TENGKU MOHAMAD NOR @ TENGKU HAMZAH BIN HJ ENSKU HUSSIN
NAIB YANG DI-PERTUA PERTUBUHAN KERABAT RAJA JEMBAL KELANTAN

OLEH:

ALIFF DANIAL BIN AMRAN SUHAIMI 2014504679
AZIM ASYRAF BIN AJAZ AHMAD KHAN 2014346817

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN



Assalamualaikum w.b.t.

Bersyukur ke hadrat ilahi kerana masih memberikan peluang kepada kami semua untuk menikmati kehidupan di dunia yang indah ini dan juga memberi peluang untuk kami menyiapkan projek ini dengan jayanya. Kami mengambil masa beberapa hari untuk menyiapkan projek ini dan akhirnya berjaya dengan cemerlang.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami yang dikasihi iaitu Madam Nor Kamariah Binti Chik kerana memberi bimbingan kepada kami sepanjang menyiapkan projek ini. Tanpa beliau, mungkin kami tidak akan dapat menyiapkan projek ini sepenuhnya.

Selain itu , kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada YM. Tengku Mohd Nor Hamzah dan keluarga kami yang tercinta kerana memberi semangat dalam menjayakan projek ini.

Akhir kata, terima kasih juga kepada rakan sekelas yang juga turut membantu memberi pendapat tentang projek ini. Dengan itu, sekian terima kasih.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah diantara kami penulis dengan Ym. Tengku Mohd Nor Hamzah b. Haji Engku Hussin. Iaitu salah seorang ahli bagi pertubuhan kerabat jembal Kelantan dan memegang jawatan sebagai naib yang dipertua , pertubuhan kerabat jembal Kelantan. Wawan cara ini dijalankan di Perpustakaan Awam Negeri Kelantan bertarikh 5 april 2016 pada pukul 12 tengahari. Perbincangan yang diutarakan semasa sesi temubual ini berkaitan dengan sejarah Kerajaan Jembal negeri Kelantan. Melalui sesi temubual ini , penulis dapat digambarkan dengan pertubuhan Kerajaan jembal dan salah silah pemerintahan negeri kelantan yang bermula pada awalnya sehingga susur galur pemerintahan sekarang. Di dalam ini juga, segala sejarah mahupun cerita yang dikhbarkan rakyat dapat di singkap dengan segala jawapan yang berasakan fakta yang telah dikumpul.*

Kata kunci : *cerita rakyat, kelantan, pemerintahan sejarah silam, pertubuhan kerabat jembal, jembal, kota jembal.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	02
Bahagian 2: Asal usul Kelantan.....	10
Bahagian 3: Kebangkitan Kerajaan Jembal.....	15
Bahagian 4: Kelantan hari ini.....	33
Bahagian 5: Sumbangan.....	39
Rujukan.....	44
Lampiran	
Log Wawancara.....	47
Diari Kajian.....	53
Senarai soalan.....	56
Surat Perjanjian.....	62
Gambar.....	63
Surat pengesahan projek.....	70
Surat permohonan tempat untuk menemuramah.....	71
Indeks.....	72

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



NAMA PENUH	TENGGU MOHAMAD NOR @ TENGGU HAMZAH BIN HJ ENGGU HUSSIN
NO KAD PENGENALAN	460815-03-5069
JANTINA	LELAKI
TEMPAT LAHIR	KOTA JEMBAL KELANTAN
UMUR	70 TAHUN
ALAMAT	LOT 1972 KM 2 JALAN SULTAN OMAR KOTA JEMBAL 16150 KOTA BHARU KELANTAN
STATUS	BERKAHWIN
BILANGAN ANAK	4 ORANG
PANGKAT	YANG DI-PERTUA PERTUBUHAN KERABAT RAJA JEMBAL, KELANTAN

PENGENALAN

PENGENALAN

Kerajaan Jembal diasaskan oleh Raja Besar. Raja Besar dikatakan dari keturunan Raja Bersiung yang memerintah Kedah abad Ke-14. Raja Besar dan pengikut-pengikutnya mencari tempat yang sesuai untuk dijadikan negeri. Baginda mendirikan sebuah kota di tepi sungai Babong, di Pulau Melaka. Di situ terdapat satu pokok 'jambu jembal' yang besar. Lalu baginda menamakan tempat itu 'JEMBAL. Jembal Hari Ini ASALNYA Nama Jembal kekal sehingga tahun 1922 sahaja. Tempat itu telah berubah kepada nama Kedai Lalat dengan secara tidak dirancang. Pekan tersebut dikunjungi oleh ramai penjual dan pembeli dalam masa yang singkat sahaja (*seperti lalat). Kerana itu pekan ini dinamakan Kedai Lalat. Suasana itu kekal hingga ke hari ini. Usaha Mempertabatkan Keturunan Jembal Keturunan Jembal tersebar di seluruh negeri Kelantan. Terdapat juga di Kedah, Perak, Pahang, Terengganu dan lain-lain negeri. Mereka memakai berbagai gelaran; Raja, Tengku, Ku, Tuan dan Nik. Ada juga yang mengugurkan gelaran nama itu. Tahun 1991, PKRJK ditubuhkan bagi mempertabatkan dan menyatukan semula anak cucu Raja Jembal. AJK membuat lawatan dan memberi penerangan di merata tempat dan ceruk rantau bagi merealisasikan usaha murni ini. PKRJK juga telah berjaya mengembalikan nama pekan kecil ini dan daerah sekitarnya kepada 'KOTA JEMBAL'.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang wawancara bersama YM. Tengku Mohd Nor Hamzah atau lebih dikenali sebagai Ayah Ku dimana beliau merupakan Naib yang di-pertua Pertubuhan Kerabat Raja Jembal, Kelantan. Beliau juga merupakan penyambung generasi kesultanan Kelantan berdasarkan susur galur keluarga. Rakaman ini telah dijalankan di Perpustakaan Awam Kelantan bertarikh pada *lima haribulan empat tahun dua ribu enam belas* [5/4/2016] yang bermula pada jam *dua belas* [12] tengah hari sehingga jam *empat* [4] petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh Azim Asyraf Bin Ajaz Ahmad Khan pada mulanya dan diikuti oleh Aliff Danial bin Amran Suhaimi sebagai penemubual yang kedua. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

AA: AZIM ASYRAF

AL: ALIF DANIAL

TNH: TENGKU NOR HAMZAH

BAHAGIAN SATU

AA : **Assalamualaikum encik.**

TNH : Waalaikumussalam warahmatullahi wabarokatuh.

AA : **Boleh saya tahu serba sedikit lebih kurang untuk latar belakang encik?**

TNH : Insyallah, jadi sebenarnya saya ini nama saya sebenarnya Tengku Muhammad Nor Hamzah Bin Haji Engku Husin. Jadi gelaran orang dipanggil itu selalunya Ayah Ku. Jadi Ayah Ku ini dah pun bermula sehingga seluruh Malaysia pun ada orang panggil Ayah Ku lah dan juga dalam *hatta* [walaupun] dalam *facebook* [laman sesawang media sosial] pun kita berbahasa Ayah Ku.

AA : Berapakah umur Ayah Ku?

TNH : (ketawa) Umur nya agak memang lanjut tapi Allah Ta'ala yang maha mengasihani kita kata orang pada tahun ini dia panggil tunggang terbalik *back* [kembali] *sixthy –nine years old* [umur 69 tahun] itu lah.

AA : Dimana tempat Ayah Ku lahir?

TNH : Memang kita lahir di *Kota Jembal* [Kelantan]. Dulunya di kawasan *Kota Jembal* [Kelantan] maknanya di *Kampung Pasir Tok Kambing* [Kelantan]. *Kota Jembal* [Kelantan] memang kawasan *Kota Jembal* [Kelantan] la *kat* [dekat] situ merangkumi beberapa kampung. Macam *Kota Bharu* [Kelantan] juga lah. *Kota Bharu* [Kelantan] orang kata dimana *Kota Bharu* [Kelantan] tempat dia *sape bleh* [siapa boleh] tahu *Kota Bharu* [Kelantan], *Kubang Kerian* [kelantan] ke *Kota Bharu* [Kelantan] situ *Kota Bharu* [Kelantan] (ketawa). Begitu juga *Kota Jembal* [Kelantan] orang tanye dimana *Kota Jembal* [Kelantan] kena ada sebenarnya tempat tue tetapi merangkumi semuanya bergelar kata kawasan *Kota Jembal* [Kelantan] *gak* [itu] *Kota Jembal* [Kelantan] lah (batuk).

AA : Bila *start* [mula] waktu Ayah Ku muda dulu bila *start* [mula] Ayah Ku belajar pada tahun berapa?

TNH : Ayah Ku belajar kita maknanya rendah la ketika *primary* [rendah] masa itu *start* [mula] belajar di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat. Masa itu belum tukar lagi. Tahun itu tak silap *sembilan belas* [19] nanti adalah *sembilan belas lima*

puluhan [1950 an] masa itu tapi tak tepat nak bagi ini sebabnya masa itu memang la *tujuh* [7] tahun selepas ini maknanya *tujuh* [7] atau *lapan* [8] tahun masa itu dia tak kira sangat masalah umur ini kadang-kadang kita dengan berbeza *tiga* [3] tahun satu kelas macam itu *tiga* [3] tahun atau *empat* [4] tahun pun satu kelas duduk dia tak berapa-- begitu juga maknanya saya tamat pengajian saya di *primary school* [sekolah rendah] pada tahun tak silap tahun *sembilan belas lima puluh sembilan* [1959] ke *sembilan belas enam puluh* [1960] macam itu. Ok saya sambung balik ke Sekolah Arab di Madrasah Tul Indera Putra *Beris Kubur Besar* [Bachok Kelantan] sehingga lah tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] jadi masa itu selepas tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] saya ambil masa itu LCE. Oh LCE Lowest Certificate Education ini secara *private* [peribadi] *and* [dan] kelas malam di Kelantan *in the school* [di dalam sekolah] dan selepas itu saya terus *join* [menyertai] *army* [tentera]. Tentera Malaysia ok dalam *army* [tentera] saya dalam *ATM* [Angkatan Tentera Malaysia] saya kira-kira *join* [menyertai] dia tue tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] hingga lah tahun *sembilan belas sembilan puluh* [1990]. Berakhirnya saya menamatkan perkhidmatan selama *dua puluh satu* [21] tahun saya sebenarnya akhir saya berkhidmat dengan berpencen dalam pangkat Pegawai Waran *Dua* [2] sebagai *regment couter master* [jawatan yang disandang]. Selepas itu, saya mula-mula itu cuba nak sambung balik dengan saya menghadiri komisen iaitu nak naik ke *couter master* [jawatan askar] saya berhenti terus diserap ke dalam Kementerian Negeri sebagai Pegawai Rela daerah. Pegawai Rela daerah yang bertugas di daerah *Tumpat* [Kelantan], selama *sepuluh* [10] tahun sekarang perkhidmatan saya juga akhir-akhir perkhidmatan saya telah menubuhkan maknanya saya juga seorang

dikatakan seorang apa ini pengasas Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan dan sehingga sekarang. Pada mulanya memegang sebagai setiausaha kepada Pertubuhan Kerabat Kota Jembal Kelantan. Setelah Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan melebarkan sayap nya sehingga negeri *Kedah, Perak, Terengganu* dan *Pahang* [Malaysia]. Saya juga digelar masa itu sebagai Setiausaha Agung. Jadi setiap itu kita ada cawangan *dia* [pertubuhan] tersendiri setiausaha agung dan terkini ialah menjawat jawatan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan.

AA : Ayah Ku untuk status Ayah Ku sekarang sudah berkahwin kan boleh Ayah Ku cerita serba sedikit tentang isteri, anak Ayah Ku pada masa kini?

TNH : Dalam perkahwinan Ayah Ku nya banyak itu nk kira pada tahun selepas saya habis saje *training* [latihan] tentera saya terus kahwin.

AA : Tahun berapa Ayah Ku?

TNH : Pada tahun *sembilan belas enam puluh sembilan* [1969]. *Sembilan belas enam puluh sembilan* [1969] saya berkahwin dan mendapat cahaya mata seramai *empat* [4] orang kemudian tahun berapa *pulak* [pula] tahun berkahwin sekali lagi sebabnye ini kan takdir Allah Ta'ala kan kata nya dengan ini mendapat cahaya mata *dua* [2] orang *enam* [6] lah sekarang ini.

AA : Siapa nama anak sulong Ayah Ku?

TNH : Anak sulong bernama Tengku Marhaini binti Engku Muhammad Nor Tengku Mohd Nor Hamzah.

AA : Dia sudah berkahwin ke Ayah Ku?

TNH : sudah berkahwin.

AA : Sekarang ni dia bekerja lah?

TNH : Sekarang ni dia sebagai suri rumah.

AA : Dia tinggal mana [dimana] Ayah Ku?

TNH : Dia tinggal di Desa Kemumin. Desa Kemumin Pengkalan Chepa, Kota Bharu Kelantan.

AA : Ayah Ku sudah ada cucu?

TNH : Sebut pasal cucu baru saje dapat cucu iaitu seramai diangka yang ke *dua puluh empat* [24]. Seramai *dua puluh empat* [24].

AA : Anak bongsu Ayah Ku?

TNH : Anak bongsu bernama Tengku Muhammad Faisal, dia pun sudah berumah tangga.

AA : Umur dia Ayah Ku?

TNH : Eh, umur? Umur dia *dua puluh lapan* [28] tahun jawab dah itu tahu nk jawab *gpo doh* [apa dah].

AA : Ok semasa Ayah Ku brumah tngga apakah cabaran yang Ayah Ku hadapi selama Ayah Ku berumah tangga?

TNH : Ini hal peribadi rumah tangga ke ? Cabaran rumah tangga ini banyak terutama kali dari segi memelihara anak-anak, mendidik anak-anak. Jadi kita banyak cabaran sekarang ini terutama skali di musim skarang musim amat ketara terutama sekali dengan gejala maksiat dan juga dadah sekarang ini. *Tapi* [tetapi] bernasib baik anak-anak Ayah Ku setakat hari ini *enam-enam* [6] orang itu semua tak terlibat dengan dadah. Setahu Ayah Ku lah tak tahu secara sulit dia itu Ayah Ku *tak* [tidak] tahu.

AA : Bleh ke saya tahu faktor-faktor kebahagiaan Ayah Ku dalam berumah tangga?

TNH : Iya Ayah Ku di samping dalam berumah tangga disamping isteri anak ya memang kebahagiaan kami berumah tangga ialah kita dapat harmoni dan juga persefahaman. Jadi bermakna tidak ada sangat apa orang panggil lawan arus

tidak ada sangat jadi kebanyakan itu anak-anak saya menurut perintah, bukan kata menjadi satu halangan-- tetapi Ayah Ku tegas dalam apa ini menjaga rumah tangga ni dengan anak-anak supaya ikut perintah sebabnye Ayah Ku adalah seorang *beruniform* [askar], kita seorang *komander* [pangkat askar] dulu dalam beruniform kita tahu lah macam mana kita nak ini klu kita kata macam ini sekurang-kurang nya kita ikut. *Kalu tak* [kalau tidak] ikut dia ada *punishment* [denda] *dia* (ketawa) (batuk).

AA : Boleh saya tahu Ayah Ku siapakah yang selalu memberi dorongan kepada Ayah Ku untuk terus kira maju dalam hidup Ayah Ku?

TNH : Setakat ini dorongan itu Ayah Ku bljar dari keadaan semasa, tiada seorang pun yang memberi dorongan cuma iltizam kita dimana ihtizam kita dengan kita punya wawasan sendiri umpamanya Ayah Ku *tak* [tidak] sangka di akhir-akhir ini selepas perkhidmatan di akhir ini juga boleh jadi seorang pelakon, pernah berlakon dalam filem dalam telemovie- apa ini “inspektor ku sayang” dan telemovie “mek kelate”. Telemovie terakhir itu telemovie- “pulau kawoh” ini lukisan memng ado. Jadi benda ini dia *mari* [datang] dengan *minat* [minat tersendiri] tidak kata satu dorongan dari luar pun *tak de* [tiada]. Minat kita kata *camane* [macam mane] aku nak cuba boleh ke tak boleh, *last* [akhir] sekali boleh, sebelum itu kita kena belajar juga lah *casting* [berlakon] jugak lah dan juga apabla kita ini utk memulakan apa ini orang kata *upgrade* [menaik taraf] kita pnya *status* [taraf] tadi terpaksa belajar lah termasuklah kelas lakonan kita pegi *molek* [elok] belajar *belako* [semua]- dan juga macam komputer *hak* [yang] ini pun tak ada orang ini belajar dengan *club* [persatuan] dulu kita jaga bagai

box [kotak] dalam komputer dia tunjuk kita tapi kita cuba-cuba dalam erti kata *try and error* [cuba dan salah] (ketawa) *try and error* [cuba dan salah] *last* [akhir] sekali ok (ketawa) *try n error* [cuba dan salah] ni *last-last* [akhirnya] sekali jadi ok boleh la itu.

AA : Untuk inspirasi Ayah Ku siapa Ayah Ku boleh jadikan sebagai inspirasi atau idola ayh ku?

TNH : Inspirasi idola *pah* [selepas] itu kita tengok inspirasi sekali idola Ayah Ku, tengok slalnya daripada ini lah dripada *tv* [televisyen] daripada maknanya nak kata mengidolakan seseorang itu tidak ada, cuma kita tengok dalam *tv* [televisyen], dalam kita dengar-dengar dalam radio *tv* [televisyen] selalunya dalam *tv* [televisyen] lah *vcd* [cakera padat] masa itu rasa la jugak nak merasai mana seorang jadi pelakon macam mana nak menjadi seorang pensilat kita belajar silat, -- macam mana kita nak jadi seorang *boxing* [peninju] apa ini dalam tomoi kita belajar dalam tomoi *and* [dan] belajar *belako* [semua] dah itu tomoi kita belajar dah tapi lanjut umur ini kita belajar tomoi *pun* [juga] tak berapa tomoi la kuat lagi nih (ketawa).

AA : Ayah Ku apakah kaitan dgn Ayah Ku ini dengan kerajaan Jembal sebenar?

TNH : Kerajaan Jembal sebenarnya dikira kalu dikira pada salah silap atau pun dipanggil ia panggil susur galur daripada kita ambil daripada *last* [akhir] pemerintahan Sultan Umar kita kata Sultan umar ini adalah generasi *last* [akhir]

sekali pemerintahan Sultan Umar nie dalam Kerajaan Kelantan. Disitu kita kira- lebih kurang bukan lebih kurang kita kira-kira dah daripada *start* [mula] kini naik sampai ke Raja Puteri Sulong tue-- adik beradik dengan Raja Pah ni-- pergi ke kesultanan ini boleh dikatakan *sepuluh* [10] generasi.

AA : Jadi sepanjang Ayah Ku terlibat dengan persatuan Kerajaan Kota Jembal apakah pencapaian Ayah Ku dalam persatuan ni?

TNH : Pencapaian Ayah Ku ke pencapaian prtubuhan ?Pencapaiannya ialah di akhir-akhir ini ialah pada asalnya menjadi ahli biasa dilantik sebagai Setiausaha kemudian dikira Setiausaha yang dikatakan yang aktif lah kemudian dilantik *plak* [pula] sebagai Naib Yang Dipertua dan sehingga lepas ini tak tahu lah kot naik Yang DiPertua lah jd *top man* [terkenal] lah. Insyallah doa-doa la sebabnye benda ni adalah satu iltizam setiap orang ada wawasan dia tersendiri.(batuk).

TAMAT BAHAGIAN SATU

BAHAGIAN DUA

AA : Boleh Ayah Ku cerita serba sedikit tentang Kelantan maksud saya untuk bagi nama pertama bagi kelantan nama kedua nama ketiga nama asalnya bagi kelantan Ayah Ku?

TNH : Ok, jadi-- mengikut dalam kronologi kerajaan negeri kelantan kita pun telah mmbuat satu- rumusan jadi kita tengok daripada catatan sejarah kemasyhuran Kelantan terawal negeri kelantan ialah berpusat di Kelantan iaitu negeri. Raja

pertama dalam-- ini ialah sultan Iskandar Shah tahun *seribu empat ratus lapan belas* [1418] berketurunan Raja Chulang yang memerintah negeri *Perak* [Malaysia] masa tu kami ambil ini pun daripada miniskrip daripada-- dan juga Raja kedua Sultan Mansor Shah putera Sultan Iskandar Shah sendiri lah. *Seribu empat ratus enam puluh lima* [1465] dan pada masa itu negeri kelantan lebih masyhur *Patani* [Thailand]. Kita ni *sohor* [terkenal] pada *Patani* [Thailand].

AA : Bila kelantan ini wujud Ayah Ku sebenarnya?

TNH : Kelantan wujud *hak* [yang] ini salah kita pun sebabnye tiada kita nak ambil satu fakta kita punya sahik sebabnye kita tiada catitan tapi kalau mengikut-- sejarah kita ini kita ambil pengenalan maknanya banyak tafsiran-tafsiran dan maknanya macam umpamanya ada yang mengatakan kelantan ini imbasan dari kata-kata umpamanya khilatan dan macam-macam la itu jadi kelantan- sukar dikesan adalah wujud sebelum abad yang pertama dia masa itu dia panggil Medan Kamulan. Medan Kamulan iaitu medan permulaan--. Dari abad pertama hingga abad kelima panggilan pula dipanggil Medan Ganar macam-macam lah padang ganar pada abad kelima kelantan dikenali pula yang bernama kelatanar atau tanah kalar dalam perkataan cina disebut pololotan-- ini pelik ini-- dulutan atau dia panggil colotan iaitu catitan yang dibuat oleh Shee Yul menurut satu riwayat lain abad yang ke *sebelas* [11] orang yang lihat satu pancaran sinar dalam abad ke *sebelas* [11] itu pancaran sinar yang kuat pada suatu malam dari Bukit Panau itu-- Bukit Panau Pasir Putih kan terus menjulang ke langit. Oleh kerana pancaran itu dapat dilihat diseluruh kelantan dan menyinari maka raja yg memerintah pada masa itu telah memberi nama medan kilatan saji. Nama ini

disebut kilatan sahaja dan menjadi sebutan ramai sebagai umum lah kelantan sampai sekarang. Hingga ke hari ini. Ha itu lah kisah kelantan .

AA : Siapakah raja yang memerintah kelantan pada abad ke *lima belas* [15] Ayah Ku?

TNH : abad ke *lima belas* [15] kalau *catitan* [catatan] disini ialah Sultan Mansor Shah la. Sultan Mansor Shah pada abad ke *lima belas* [15] sebab ada *yeye* [betol ke] kelantan pada abad ke *lima belas* [15]. Angaran mana lebih jelas bermula pada abad ke *lima belas* [15] dan tahun *seribu empat ratus sebelas* [1411] Hijrah. Kelantan diperintah oleh seorang raja islam bernama Raja Kumar.

AA : Ayah Ku boleh Ayah Ku cerita kenapa Raja Kumar ada hubungan baik dengan negeri Cina?

TNH : Raja Kumar baginda menjalankan hubungan yang baik dengan negeri Cina kemudian kelantan di perintah oleh Sultan Iskandar Shah sehingga tahun *seribu empat ratus enam puluh lima* [1465]. Mungkin dia ada orang panggil *pergi mari* [hubungan baik] perdagangan dari segi perdagangan keluar masuk dengan negeri cina sebab negeri cina semasa itu maknanya dialah kita kata negeri cina yang termasyhur cina sebab dia sehingga kita panggil benua cina sebab dia luas sekali kan cina. Jadi masa itu Raja Kumar lah yang memerintah.

AA : Siapakah *hok* [yang] memerintah kelantan selepas Raja Kumar?

TNH : selepas Raja Kumar diperintahkan oleh pula seorang putera yang dipanggil

Sultan Mansur. Bermaknanya Sultan Mansur ini putera kepada Raja Kumar.

AA : Ayah Ku pada tahun *seribu empat ratus* [1477] masihi Kelantan telah diserang oleh Melaka, jadi siapakah yang memerintah Kelantan pada waktu itu Ayah Ku.

TNH : Di waktu *seribu empat ratus tujuh puluh tujuh* [1477] masihi itu, kalau tak silap ialah Sultan Mansur rasanya Sultan Mansur ke rasanya tak ingat dah rasanya *iya* [agakny] Sultan mansur masa itu Sultan Mansur memerintah Kelantan dan kemudian apabila pihak Melaka mengetahui bahawasanya kemasyhuran Kelantan maka Melaka datang menyerang dan melaka dibawah pemerintahan Sultan Mahmood Shah dia telah *mari* [datang] ke Kelantan dan telah menyerang negeri Kelantan.

AA : Boleh Ayah Ku bagitahu tentang peristiwa menarik yang dikatakan berlaku pada waktu itu?

TNH : Mengikut Ayah Ku baca apabila itu kita tengok iaitu peristiwa yang menariknya ialah yang menarik berlaku ialah berakhir dengan perkahwinan antara Sultan Mahmood Shah dengan puteri Sultan Mansor yang bernama Onang Kening begitu *dok* [tidak] peristiwa yang menarik sebabnya walaupun dia menyerang akhir-akhirnya dia berkahwin kat sini.(ketawa) Itu biasalah sultan kan masa dulu.

- AA : Siapa yang memerintah Kelantan selepas kemangkatan Sultan Mansor?**
- TNH : Setelah Sultan Mansor mangkat tahun *seribu lima ratus dua puluh enam* [1526] tak silap, anakanda baginda kepada sultan mansur (telefon berbunyi) bernama Raja Gombak telah menjadi sultan.
- AA : Selepas pemerintahan Raja Gombak Ayah Ku?**
- TNH : Apabila Sultan Gombak mangkat cucu baginda pula iaitu Raja Ahmad yang berkahwin dengan Encik Bani masa itu iaitu Puteri Sri Nara diraja sepupu dengan Raja Husin.
- AA : Antara Sultan Gombak dengan Sultan Mansor tue apa hubungan beliau Ayah Ku?**
- TNH : Raja Gombak dengan Sultan Mansor ya. Dia Raja Gombak ayahandanya ialah Sultan Mansor la. Raja Gombak itu anakanda kepada Sultan Mansor.
- AA : Siapa pasangan hidup Raja Ahmad?**
- TNH : Raja Ahmad mana pasangan hidup dia nama dia Cik Banum. Cik Banum puteri Sri Nara Diraja iaitu spupu dengan Raja Husin.
- AA : Siapa nama puteri untuk Raja Husin Ayah Ku?**
- TNH : Puteri sepupu dengan Raja Husin, jadi Raja Husin itu rasanya tidak ada ini dipahamkan cumanya antara tadi antara Raja Gombak antara Raja ahmad

kahwin dengan encik Banum tadi mendapat seorang puteri diberi nama Cik Wan Kembang. Jadi bermaknanya ayahanda kepada Cik Wan Kembang atau Cik Siti Wan Kembang tadi ialah Sultan Ahmad Raja Ahmad atau Sultan Ahmad Ia.

TAMAT BAHAGIAN DUA

BAHAGIAN TIGA

AL : Ok baik lah kita sambung dengan bahagian *tiga* [3]. mana bahagian *tiga* [3] ini kita akan tanya soalan berkaitan dengan antara Cik Siti Wan Kembang dan KeRajaan Jembal lah. Ok soalan pertama daripada saya boleh tak Ayah Ku cerita serba sedikit apa kaitan Cik Siti Wan Kembang *nie* [ini] dengan KeRajaan Jembal?

TNH : Ya, (batuk) kaitan Cik Siti Wan Kembang ini dengan Kerajaan Jembal dia kira di sekitar tahun berapa itu antaranya dia berkait dengan Puteri Sa'dong lah sebab Puteri sa'dong adalah anak angkat kepada Cik Siti Wan Kembang.(bunyi kertas)

AL : Ok, cerita sikit lah pasal Cik Siti Wan Kembang berdasarkan pembacaan saya ini Cik Siti Wan Kembang tak dapat di tabalkan masa waktu kecil dulu semasa sultan ahmad mangkat , kenapa itu dia tidak dapat ditabalkan?

TNH : Apa mana maksudnya tidak dapat ditabalkan Cik Siti Wan Kembang lagi ini ia semasa sultan ahmad mangkat pada tahun *lima-belas lapan puluh sembilan* [1589] la nama Cik Siti Wan Kembang tidak dapat ditabalkan kerana baru

berusia *empat* [4] tahun fakta umarnya tidak cukup oleh itu Raja Husein dari Johor dilantik menjadi pemangku Raja sebabnya dia *tu* [itu] *tak* [tidak] cukup umur. Sultan Husein mangkat pula pada tahun *seribu enam ratus sepuluh* [1610] baru lah Cik Siti Wan Kembang ditabalkan semula menjadi Raja yang berpusat pentadbirannya di *Gunung Cintawangsa* [Kelantan, Malaysia]] ulu Kelantan [Malaysia]. Ia disebabkan faktor umur tadi. (batuk).

AL : Ok, semasa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang ini di katakan *Kelantan* [Malaysia] ini makin *masyhur* [terkenal] makin maju jadi boleh tak Ayah Ku ceritakan serba sedikit faktor yang menyebabkan ramai pedagang-pedagang dari luar ini datang berdagang untuk bumi *Kelantan* [Malaysia]?

TNH : Jadi semasa itu pemerintahan Cik Siti Wan Kembang *masyhur* [terkenal] sehingga ramai pedagang-pedagang dari datang berniaga entah kemungkinan *Kelantan* [Malaysia] ni juga satu tempat yang menarik sehingga termasuk pedagang dari arab pun datang kesini sebabnye orang *Kelantan* [Malaysia] ini boleh dikatakan sebagai serambi makah orang katakan elok la padan la dengan sinonim denagn serambi mekah orang arab sehingga orang-orang arab memanggil Cik Siti Wan Kembang tadi paduka Cik Siti pada awalnya wan Kembang saja namanya tapi orang pedagang arab yang meletak dia paduka Cik Siti Wan Kembang. Dari situlah lebih dikenali dengan Cik Siti Wan Kembang pedagang arab (batuk)

AL : Semasa zaman pemerintahan Cik Siti Wan Kembang ini ada tercatat jugak dalam buku ini kata ada Kerajaan lain selain daripada Kerajaan Cik Siti Wan Kembang ni. Mengapa wujudnya Kerajaan yang orang kata Kerajaan lain boleh wujudnya Kerajaan itu sebab apa?

TNH : Semasa itu lah semasa Cik Siti Wan Kembang memerintah maka bangkitlah sebuah Kerajaan lain di sebelah timur ini nama dia Kerajaan Jembal. Pada masa pemerintahan Cik Siti Wan Kembang berpusat di *Gunung Cintawangsa* [Kelantan, Malaysia] di sebelah timur laut ini *Kelantan* [Malaysia] timbul pulak sebuah Kerajaan berpusat di Jembal iaitu dibawah pentadbiran Raja Sakti. Hubungan Kerajaan Cik Siti Wan Kembang dengan Kerajaan Jembal dibawah Raja Sakti terjalin dengan baik sekali dia sangat-sangat baik kedua-duanya saling menghantar utusan ini. Yang dulu utusan macm macam *tak* [tidak] tahu dia pakai utusan dan hantar ke siam.

AL : Ok semasa terbentuknya Kerajaan Jembal siapakah yang mengasaskan Raja Jembal tu?

TNH : Kerajaan Jembal diasaskan oleh Raja besar ini dikatakan dari keturunan Raja bersiung Raja yang memerintah negeri kedah dalam abad ke-14 . Baginda Raja bersiung dihalau oleh adinda dia sebab tahu saja lah Raja bersiung ini jenis minum darah manusia (ketawa) jadi apabila dia di halau- baginda mana Raja muda yang menghalau dia daripada kedah telah melarikan diri ke *Kelantan* [Malaysia] mana ringkas cerita citra *Kelantan* [Malaysia]. Nik Mahmud dia kata "*Raja besar dan Raja bersiung adalah orang yang sama*" tak tahu lah fakta itu sebabnya tidak ada satu manuskrip. oleh itu , Cuma dengar-dengar cerita

daripada orang-orang tua dengan ini agar kabur dan bercanggah dengan fakta sejarah kerana Raja bersiung memerintah di Kedah [Malaysia] pada abad ke empat-belas [14] sedangkan pembukaan Jembal oleh Raja besar ialah pada awal ke-tujuh-belas [17] tahun *seribu enam ratus* [1600] jadi Raja besar--sebelum ini sedikit ada konfius tapi tak apa walaubagaimana kita terima fakta ini boleh terima kedua-dua berasalkan banyak --.

AL : Jadi Ayah Ku pada tahun berapa tuh pembukaan Kota Jembal [Kelantan, Malaysia]?

TNH : Kota Jembal [Kelantan, Malaysia] tadi dia berasal dari sekitar *seribu enam ratus tiga puluh lapan* [1638] sehingga dia berakhir *seribu tujuh ratus tiga puluh tiga* [1733] (batuk)

AL : Jadi bagaimana mereka mendapat nama Jembal bagi Kerajaan Jembal?

TNH : Ini ceritanya pada tahun -- Raja besar telah ditabalkan. Raja Sakti sebagai Raja Jembal .Raja Sakti ini dibawa Raja Sakti ni rasa-rasanya sebagai Raja besar--ditabalkan menjadi Raja di-utara Timur Selatan-- *ghaib* [hilang] melarikan diri kerana itulah tidak dapat makam baginda dikawasan Jembal tiada makam yang lain semua ada jadi dengan soalan tadi boleh katakana apa dia Kerajaan Jembal--.

AL : Bagaimana mendapat nama Kerajaan Jembal?

TNH : Dia sebenarnya *satu* [1] masa Raja besar tadi berlabuh di satu sungai dinamakan *Sungai Babong* [Kelantan] tadi dengan *Jong* [perahu] dia itu *jong* [perahu] ini makna satu perahu dan dia berlabuh-- naik kat situ mendarat dia mendapati sepohon besar iaitu pokok jambu jembal yang ada yang didapati di tepi *Sungai Babong* [Kelantan] sekarang ni berhampiran dengan pasar Kota Jembal [Kelantan, Malaysia] lah, sebelah itu ada satu sungai itu sungai *loni* [sekarang] dah jadi anak sungai *kecik* [kecil] macam itu *je* [sahaja] dia panggil *paloh* [Kelantan] ke apa tak silap dia panggil *paloh* [Kelantan]. Dia ni berdekatan dengan masjid *almarhum* [orang yang telah meninggal] Datuk [Tuan Guru Nik Aziz].

AL : Ok tadi Ayah Ku ada cerita serba sedikit pasal Raja Sakti la jadi boleh tak Ayah Ku cerita serba sedikit apa nama lain bagi Raja Sakti *susur galur* [keturunan] Raja Sakti,berapa *cahaya mata* [anak] Raja Sakti?

TNH : (batuk) (bunyi kertas) Raja Sakti apabila Raja Sakti ditabalkan dan memang la ia Raja Sakti di kurniakan cahaya mata tujuh [7] orang Putera Puteri iaitu Raja Adiluddin yang dikenali sebagai nama Raja Loyar pastu Raja Bahar dikenali dengan Raja Udang , Raja Omar orang panggil Raja Ekok-- Puteri Cempaka Bongsu-- Puteri Baginda iaitu Puteri Unang Melor berkahwin dengan Terengganu Sultan Zainal Abidin, dari keturunan inilah asalanya Raja-Raja yang memerintah Terengganu, mana dia ada *link* [pautan] dia sebenarnya Raja-- itu mengikut fakta ada lain lain fakta--

AL : Baiklah Ayah Ku masa itu saya dengar cerita jugak orang kata Raja Sakti ini pernah sakit, jadi semasa Raja Sakti itu sakit, siapa yang memerintah siapa yang menggantikan tempat Raja Sakti semasa dia sakit?

TNH : (bunyi kertas) Dia sakit. Raja Sakti apabila dia sakit kan jadi dia lantik anakada dia anakada dia itu dia apa ini Raja Loyar ke- Raja Loyar dan kalu kita tengok dulu sebentar (bunyi buku) berkenaan dengan Raja Sakti maknanya tahun *enam belas tiga puluh lapan* [1638] Raja besar telah--

AL : Pada tahun berapakah Raja Sakti menyerahkan KeRajaan Jembal kepada anakanda beliau?

TNH : *Seribu enam ratus empat puluh sembilan* [1649] masihi

AL : Ok dikatakan untuk menyerahkan Kerajaan Jembal kepada anakanda beliau, beliau mengadakan satu istiadat dimana dia dipanggil Istiadat Bersiram jadi, boleh tak Ayah Ku terangkan sedikit apakah bendanya atau apakah Istiadat Bersiram yang dilakukan oleh Raja Sakti pada waktu itu?

TNH : Iyalah memang adat Kerajaan ada istiadat bersiram ia telah mengadakan istiadat bersiram di pinggir *Sungai Babong* [kelantan] la sekarang kelihatan lembah sahaja yang dijadikan sawah padi terletak di belakang sekolah menengah Raja Sakti [Kelantan] Selama *tujuh* [7] hari *tujuh* [7] malam, setelah sampai masa *ketujuh* [7] maka baginda Raja Sakti dan Puteri Mani pun *ghaib* [hilang] dikatakan *ghaib* [hilang] wallahuallam ini kerja Allah S.W.T tidak dapat diketahui riwayatnya sehingga ke hari ini. Itulah ceritanya Raja Sakti kita nak

ambil tahu hal ni kita tak tahu ini kerja Allah S.W.T kita kata diatas kehendaknya Allah Taala kalau mintak dengan *dia* [Nya]--

AL : Pada pendapat Ayah Ku sendiri lah Ayah Ku tafsir istiadat bersiram ini apa benda istiadat bersiram pada ayh ku sendiri ?

TNH : Istiadat bersiram ini memang diwujudkan daripada dulu lagi Raja-Raja memang ada istiadat bersiram memang ada. Dan juga adat bersiram dia juga dulu adat bersiram ini Ayah Ku sendiri pun kena adat bersiram skali dulu walaupun kita-- ayahanda telah buat sebelum nak *jawi* [khatan] kan nak *sunat* [khatan] kita ada adat bersiram dengan kain kuning nya dengan bunga di atas kita duduk dibawah dia orang siram *ngan* [dengan] air diatas kepala dengan kain kuning kan kain jarang itu kadang kita *duk* [duduk] dibawah *duk* [duduk] atas usungan pastu dia *usung* [angkat] adat Raja la kena jugak sekali sebab keturunan kan pastu baru *gi* [pergi] sunat itu dia sesuatu benda ini untuk orang kata cabaran adat-adat tertentu umpamanya macam sekarang ini masih lagi adat dipakai adat bersiram adat apa ini adat melahirkan anak.-- Isteri Ayah Ku sndiri kena pakai kuning sama ada taruk di belakang kalu tidak menjadi satu benda sehingga sakit perut lima hari lima malam tak keluar *baby* [bayi] tak keluar (gangguan) adat-adat tadi *bersabit* [berkaitan] dengan Kerajaan adat bersiram adat lahir adat bersunat ada adat-adat dia.

**AL : Ayah Ku, tadi anakanda kepada Raja Sakti ada nama Puteri Mani Kemia
la. Ok dikatakan jugak ghaib [hilang] bersama Raja Sakti kenapa
(persoalan) jadi persoalannya kenapa Puteri Mani Kemia sahaja yg
dipilih ghaib [hilang] bersama Raja Sakti ?**

TNH : (suka) (bunyi kertas) jadi dia ghaib [hilang] *ngan* [dengan] Raja Sakti ke *saknih*
[tadi]- (bunyi kertas) Raja Sakti- tadikan setelah sampai malam *ketujuh* [7] adat
bersiram maka Raja Sakti dan Puteri Mani Kemia pun ghaib [hilang] jadi
mungkin jugak dia ini kata mak kepada memang dia berhasrat memang kedua
duanya berhasrat mngikut ilmu kita tinggallah negeri ini cara yang-- dan juga
kebetulan Allah ta'ala bagi dia kita jugak boleh berkait jugak degan orang kata
sehidup semati umpamanya kita berikrar dan berjanji dengan orang berkahwin
dengan kita mesti hidup semati kita hidup berdua kalau mati berdua. Kalau
ghaib [hilang] kita *ghaib* [hilang] kemungkinan kehendaknya doa dia termakbul
oleh Allah Ta'ala kedua-duanya maka tidak hairan la jugak terjadi kepada
manusia biasa umpama dia terlampau sayang dengan isteri kadang-kadang kita
kata macam juga *pok* [bapa] sepupu Ayah Ku nama dia Tuan Ismail ,Tuan
Ismail telah menghembus nafasnya pada minggu ini mnggu depan istri dia *hak*
duk [yang dalam keadaan] *segar* [sihat] jadi sakit jadi kemungkinan jugak dia
dah awal lagi bersama okay nampak kemungkinan tak banyak pun beza sikit dia
tetap pergi. Pasal dia dah istiqamah ini dia dah sehidup semati dengan bersama
berdua [2] mungkin itulah salah satu fakta mngkin dia macam itu ke macam
mana *tak* [tidak] tahula tapi dia mati ghaib [hilang] pun berdua [2] (suka). Itu
Pada pendapat ayah Ku la orang lain pendapat orang lain pula.

AL : Ok setelah abis [habis] Istiadat bersiram maknanya Raja Loyar lah [ialah] yang meneruskn legasi pemerintahan, dikata kan bahawa selepas Raja Loyar ni ramai rakyat suka pemerintahan sebab apa Ayah Ku ramai rakyat suka dengn pmrintahan Raja Loyar ni?

TNH : Raja Loyar telah memerintah dengan adil. Dia ini seorang Raja Loyar ini dia seorang kita kata yang aneh dia Raja Loyar maka dia di katakan Raja Loyar seorang yang *masyhur* [terkenal] dan jugak seorang yag kita kata apa lagi yang apa ini mempunyai pelik Raja Loyar ini bunyi pelik berdarah putih dan langit dia hitam tulang dia *tunggal* [satu] tulang kita ni dua tulang dia satu *je* [sahaja] bulu roma dia songsang, kata orang barang *kandak* [kehendak] barang boleh barang cakap barang jadi dia tidak boleh cakap sebarangan *kalu* [kalau] dia sumpah memang jadi. seorang yang keramat dia Raja Loyar ini-- dia panggil *gapo* [apa] Raja Loyar ini-- ialah kita kata kita nak kata pun *tak* [tidak]tahu lah (suka) sebabnya pelik *pado ore* [pada orang]-- luar biasa lemah lembut halus tutur kata dan sopan santun pada dirinya . Pada diri baginda terdapat sifat-sifat ganjil macam *ayahanda* [Ayah Ku] kata tadi la contohnya tulang *tunggal* [satu] bulu roma sonsang lelangit hitam lidah fasih air liur masin pendek kata apa yg dihajati smua dapat-.

AL : *Pastu* [Lepas itu] berdasarkan pembacaan kami terhadap buku-buku sejarah yang ada ini dikaitkn bahawa Raja Loyar dan juga pemerintah Gunung Cintawangsa [Kelantan, Malaysia] dimana Cik Siti Wan Kembang mempunyai hubungan. Boleh tak Ayah Ku cerita serba sedikit apa yang apa sebab kaum kerabat hubungan antara dua kerajaan ini ?

TNH : Hubungan kerajaan Jembal dengan paduka Siti Wan Kembang dikatakan Kota Jembal maju pada masa itu dan makmur berbanding Raja Loyar. Baginda membuat kerajaan sekitar dengan kerajaan-- Cintawansa Cik Siti Wan Kembang selalu bertukar-tukar utusan.-- Raja Loyar mempunyai *dua* [2] *cahaya mata* [anak]. Yang bernama Raja Sakti Raja Sakti yang *kedua* [2] *tak* [tidak] silap ini mengambil nama sempena ayahanda baginda *ia* [dia] namanya Raja Loyar bin Raja Sakti anak Raja Loyar ini Raja Sakti *pulak* [pula]. Raja Sakti ini sempena nama dia. Tapi telah mangkat setahun sahaja Raja Sakti ini seorang lagi puteri yang bernama Puteri Mariam tapi dikenali sebagai Putri Sa'dong. Puteri Sa'dong ini teramat terkmal dalam sejarah kelantan jadi apabila Cik Siti Wan Kembang melihat wajah Puteri sa'dong maka dia pun pelik juga puteri sa'dong wajah terlalu cantik dan menarik. jadi maka timbullah perasaan kasih sayang menyerap putri sa'adong Cik Siti wan Kembang tadi mengambil anak angkat baginda mencadang melantik mewarisi-- jadi Cik Siti Wan Kembang kata dia nak bercadang mewarisi takhta-- kerana baginda tidak mempunyai anak dan tidak bersuami hasratnya itu disampaikan oleh Raja Loyar dan-- Raja Loyar kata *amik* [ambil] lah puteri sa'adong dia pun bela [pelihara] lah dan pelihara puteri sa'adong dan *dibawak* [dibawa] ke Cintawangsa oleh Paduka Cik Siti Wan Kembang disinilah puteri sa'adong dibesarkan dengan kasih sayang dan penjagaan sempurna oleh seorang pemerintah negeri maknya Cik Siti Wan

Kembang *amik* [ambil] dia jadi anak angkat dibela cara manja apa pun *takdok* [tiada] dia bagi-- pemerintah besar negeri hulu balang mencari *dua* [2] ekor kijang untuk permainan puteri sa'adong tadi. Mainan kepada puteri sa'adong supaya tidak kesunyian *makno wak* saing [makna buat kawan] la gitu [macam itu] *kat* [dekat] situ lah gambar *dua* [2] ekor anak kijang telah dijadikan lambang kebesaran negeri kelantan sehingga hari ini. Bermaknanya itulah permainan puteri sa'adong dan Cik Siti Wan kembang .

AL : Jadi ayah Ku bagaimana gambar dua [2] ekor anak kijang yag ayah Ku cakap tadi ambil dan guna pakai oleh kebesaran Kerajaan negeri Kelantan [Malaysia] sekarang?

TNH : Dia mengambil kijang tadi berdasarkan kepada fakta sebabnya dia *jugak* [juga] Kerajaan Kelantan sekarang pun mengetahui *susur galur* [keturunan] dia-- dia asalnya daripada atas lagi berhubung- kait dengan Kerajaan Jembal berhubung kait dengan kerajaan Cik Siti Wan Kembang dia kena *amik* [ambil] semua itu sebabnya sejarah kesultanan Kelantan sekarang bermula dipertengahan bukannya awal kiranya *amik* [ambil]-- tetapi dia tidak kata tolak yang awal mengambil sahaja setakat Long Yunus ke bawah kesultanan Long Yunus ke bawah.

AL : Jadi Ayah Ku penulis ada agak minat dalam antara puteri sa'adong ini, boleh *tak* [tidak] Ayah Ku ceritakan serba sedikit pasal puteri sa'adong berdasarkan pengetahuan Ayah Ku ok nama lain puteri sa'adong ke? (persoalan) siapakah suami puteri sa'adong?(persoalan)

TNH : Dia puteri sa'dong ini [ini] kan macam tadi kan puteri sa'dong maknanya dia puteri-- maknanya orang panggil puteri sa'dong sebenarnya jadi dia ini di pelihara dibela oleh Cik Siti Wan Kembang sebagai anak angkatnya dan sehingga dia besar maka dia dikahwin pula dengan Raja Abdullah tapinya Puteri sa'dong juga memang menjadi seorang sultan pada masa itu iaitu Raja kepada-berkahwin dengan Raja Abdullah. Apabila meningkat remaja Puteri Sa'adong seorang puteri yang sangat cantik paras dan tingkah lakunya mengikut--.

AL : Jadi, ok boleh tak Ayah Ku cerita serba sedikit dikatakan pinangan daripada *siam* [Thailand] ditolak bagaimana dia menolak dan kenapa mereka menolak pinangan daripada *siam* [Thailand]?

TNH : Andaiannya boleh dikatakan kemungkinan jugak Raja Siam [Thailand] adalah bukan islam sedangkan Puteri Sa'adong adalah seorang puteri beragama islam. Kemungkinan fakta agama dan juga fakta adalah fakta-fakta yang tertentu dia terpaksa ditolak sebab tidak munasabah la puteri sa'adong yang-- dan juga diambil oleh tidak berbangsakan kita kata *siam* [Thailand] tahu saja lah Raja *Siam* [Thailand].

AL : Jadi Ayah Ku setelah penolakan pinangan tersebut, apakah tindakan balas daripada pihak kerajaan *Siam* [Thailand] terhadap Kelantan?

TNH : Setelah ditolak maka pihak kerajaan *Siam* [Thailand] pun menghantar lah bala tenteranya untuk merampas Puteri Sa'adong dan menyerang Negeri *Kelantan* [Malaysia] sehingga berlakulah peperangan begitu lama sehingga banyak rakyat jelata yang gugur kemudian setelah itu maka Puteri Sa'adong memikirkn bahawasanya untuk menyelamatkan rakyat supaya tidak terbunuh banyak-banyak maka dia *relo la dio tue* [rela lah dia itu] pergi ke *siam* [Thailand] atas kehendak Raja *Siam* [Thailand] tadi dia rela pergi setelah Puteri Sa'adong mengaku bahawanya dia nak ikut berjumpa dengan Raja Siam maka peperangan pun selesai. Jadi atas pengorbanan Puteri Sa'adong tadi rakyat pun tidak pun berperang dah dengan kerajaan *siam* [Thailand].

AL : Jadi setelah Puteri Sa'adong mengikut Raja *siam* [Thailand] ke *siam* apakah yg berlaku diantara Puteri Sa'adong dengan Raja Abdullah?

TNH : Puteri Sa'adong telah pun berbincang dengan Raja Abdullah suaminya dia kata *takpelah* [tidak mengapalah] "*kekanda adinda pergi hanya sementara, insyallah adinda akan kembali semula*" tapi apabila dia pergi ke sana banyak lah berlaku benda pelik sehingga-- tidak boleh mendekati Puteri Sa'adong dan juga telah memanggil pawang masyhur di *siam* [Thailand] tadi mengatakan macam mana ini apabila berdekatan naik kudis serta merta naik kudis tidak bagi kena panas kemudian dia kudis ini kudis itu semakin membara-bara dia juga terus berubat dengan pawang tadi-- maka *tak* [tidak] jadi *siam* [Thailand] *tak* [tidak] boleh buat apa mslainkan kata dukung hak petua sekali telah tengok dalam apa *ni* [ini]

ilmu dia tadi dia panggil *gapo* [apa] dalam firasat dia kalau dia tengok bahawasanya Raja *siam* [Thailand] *ni* [ini] akan sembuh apabila Puteri Sa'adong yang mengubatinya dengan *melomor* [sapu] air rendam kakinya. saya tak [tidak] tahu lah apa sebabnye rendam kaki ini nak menunjukkan bahawasanya ialah Allah Ta'ala menunjukkan kamu sekuat mana pun ubat tidak ada melainkan kaki Puteri Sa'adong. Maknanya hina *nyo* [nya] kamu ini bukan nya wahai manusia *mung taksoh* [kamu jangan] duduk rasa bangga atas muka bumi ini aku bagi ubat paling rendah air kaki-- dan juga keramat maka pawang tadi itu berjumpa Puteri Sa'adong dia kata wahai Puteri macam mana ini dia kata okay boleh, Puteri Sa'dong telah pun berdoa dengan Allah Ta'ala dia *amik* [ambil] air memang la dia basuh kaki masuk rendam dalam itu bagi kata-kata setengah itu dia minum apabila *lomur* [sapu] dengan air itu serta- merta esok- kesokannya habis kudis itu tapi dengan syarat katanya saya berubat dengan syarat setelah semua ini *siya* [sembuh] atau sembuh hantarlh kami hantar saya dengan serta merta. Maka bila sembuh mulai Raja Siam [Thailand] siap dengan bala tenteranya dengan *jong* [perahu] dia dengan tongkangnya hantar balik dari situ hantar balik serta merta permulaannya pergi jumpa-- jadi silapnya Raja Abdullah tadi kawin dengan-- ada ceritanya kemudian berlakulah satu pertengkaran janji yang tadi tidak ditepati setelah itu Raja Abdullah naik berang katanya sehingga berlaku perselisihan faham dan menyebabkan katanya ada setengah kata cabut sanggul menikam Raja Abdullah tapi sebenarnya *tak* [tidak] boleh diterima jugak sebab seorang yang sufi tidak akan membunuh suaminya apa saja dia tidak akan bunuh sebab dia tahu dosa yang amat besar dan juga tetapi dengan kerahmatan dia dengan cerita boleh jadi juga ini *hak* [yang] kita tak sahah apabila dia tampar Puteri Sa'adong [pemancaknya] jatuh kebawah

tetapi Sultan Abdullah nak menerkam benda itu terjatuh benda itu tercucuk bukannya dia sengaja benda itu terjatuh dengar-dengar cerita boleh di andaian begitu jangan andaian kepada dia terus memberontak sebabnya ada satu *tv* [televisyen] *tiga* [3] ambil apabila kata setelah Puteri Sa'adong mengambil pemancak sanggulnya *nak* [hendak] membunuh Sultan Abdullah pun mati, mati *api* [eletrik] semua *takda* [tiada] *tiga* [3] kali buat *last takjadi* [akhirnya tidak menjadi]-- jadi kita *amik hak* [ambil yang] tadi sebagai *excident* [kemalangan] dia mati *excident* [Kemalangan] sama ada dengan pemancak sanggulnya atau pun kerisnya tercabut jatuh atas kerisnya itu kita tak tahu cerita dia mati tertikam masa tu.

AL : Maknanya Raja Abdullah itu mangkat lah ya? (persoalan)

TNH : Ya-

AL : Jadi selepas kematian Raja Abdullah itu siapa pula yang di tabalkan?

TNH : Setelah mangkatnya Raja Abdullah maka ditabalkan pula Raja Abdul Rahim. Bergelar Sultan Abdul Rahim yang memerintah negeri Kelantan la .

AL : Dikatakan setelah kemangkatan suami Puteri sa'dong itu, Puteri sa'adong telah pun membawa diri ke mana agaknya Puteri Sa'adong membawa diri?

TNH : Dia pada mulanya dia membawa diri sebab nya apa ini Sultan Abdul Rahim amat ganas. Dan Sultan Abdul Rahim ini zalim jadi dia semua zalim lah tidak silap-- (batuk) tidak aman dah dia pun rasa satu kecewa dengan kehidupan dia

